



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 65  
No. 10

**10hb Mei 2012**

*TAMBAHAN No. 13  
PERUNDANGAN*

---

**Sel. P.U. 47.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003**

**PERATURAN-PERATURAN ZAKAT DAN FITRAH  
(NEGERI SELANGOR) 2012**

---

## SUSUNAN PERATURAN

---

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

### BAHAGIAN II

KUASA MAJLIS UNTUK MEMUNGUT DAN MENGAGIHKAN

3. Kuasa Majlis untuk memungut dan mengagihkan zakat dan fitrah

**BAHAGIAN III**

**PENTADBIRAN ZAKAT DAN FITRAH**

Peraturan

4. Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**BAHAGIAN IV**

**PELANTIKAN KETUA PENOLONG AMIL FITRAH, PENOLONG AMIL FITRAH, KETUA PENOLONG AMIL KARIAH, PENOLONG AMIL KARIAH, PENOLONG AMIL PADI, PENOLONG AMIL INSTITUSI DAN EJEN ZAKAT**

5. Pelantikan Ketua Penolong Amil Fitrah
6. Pelantikan Penolong Amil Fitrah
7. Pelantikan Ketua Penolong Amil Kariah
8. Pelantikan Penolong Amil Kariah
9. Pelantikan Penolong Amil Padi
10. Pelantikan Penolong Amil Institusi
11. Pelantikan ejen zakat
12. Pengosongan jawatan
13. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
14. Kuasa Majlis untuk mengeluarkan arahan

**BAHAGIAN V**

**ZAKAT**

15. Syarat-syarat orang yang wajib mengeluarkan zakat
16. Pengenaan zakat harta dan pendapatan
17. Orang tidak berkeupayaan
18. Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat
19. Kadar dan nisab zakat
20. Kuasa untuk meminda Jadual

**BAHAGIAN VI**

**ZAKAT HARTA DAN PENDAPATAN**

21. Pembayaran zakat
22. Kewajipan majikan

**BAHAGIAN VII****FITRAH**

Peraturan

23. Kewajipan membayar fitrah
24. Pembayaran fitrah kepada Lembaga atau Penolong Amil Fitrah
25. Kadar fitrah

**BAHAGIAN VIII****NOTIS DAN PEMBERITAHUAN ZAKAT**

26. Notis zakat
27. Pemberitahuan mengenai kelayakan membayar zakat
28. Kuasa untuk meminta maklumat tambahan
29. Kuasa untuk meminta maklumat akaun bank, dll.
30. Maklumat dalam borang taksiran hendaklah disifatkan dibuat dengan kuasa yang sewajarnya
31. Kuasa untuk meminta penyata
32. Pertukaran alamat

**BAHAGIAN IX****TAKSIRAN ZAKAT**

33. Taksiran secara am
34. Taksiran tambahan dalam hal tertentu
35. Rekod taksiran
36. Kemuktamadan taksiran

**BAHAGIAN X****SEMAKAN SEMULA DAN RAYUAN**

37. Rayuan kepada Pegawai Utama
38. Pelanjutan masa bagi rayuan
39. Semakan semula taksiran oleh Pegawai Utama
40. Pembayaran balik zakat yang dipungut berlebihan

**BAHAGIAN XI**

**PENGAGIHAN**

Peraturan

41. Orang yang berhak menerima zakat dan fitrah
42. Ketetapan pengagihan
43. Tatacara pengagihan zakat

**BAHAGIAN XII**

**KESALAHAN DAN PENALTI**

44. Maklumat yang salah
45. Pengelakan sengaja
46. Menghalang Pegawai Utama atau pegawai Lembaga daripada menjalankan tugas
47. Kesalahan oleh pegawai
48. Kesalahan bersubahat
49. Penggunaan nama dan logo Lembaga tanpa kebenaran
50. Penguatkuasaan
51. Pendakwaan

**BAHAGIAN XIII**

**KEWANGAN**

52. Anggaran pendapatan dan perbelanjaan zakat
53. Perbelanjaan pentadbiran Lembaga
54. Akaun dan laporan tahunan
55. Audit dan pemeriksaan

**BAHAGIAN XIV**

**AM**

56. Pemungutan zakat yang tidak berbayar dan tertunggak
57. Penyampaian notis
58. Maklumat daripada pihak berkuasa awam, badan berkanun atau syarikat

---

Peraturan

- 59. Kerahsiaan
- 60. Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang
- 61. Pekhidmat awam
- 62. Peralihan
- 63. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003**

**PERATURAN-PERATURAN ZAKAT DAN FITRAH (NEGERI SELANGOR) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 87 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. No. I/2003*], Majlis Agama Islam Selangor dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Mei 2012.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amil” ertinya seseorang beragama Islam atau institusi yang dilantik oleh Majlis untuk menjalankan tugas memungut dan mengagihkan zakat;

“*asnaf*” ertinya seseorang beragama Islam yang berhak menerima zakat dan fitrah di bawah peraturan 41;

“baligh” ertinya umur baligh mengikut Hukum Syarak;

“borang taksiran” ertinya suatu borang yang ditetapkan dan dikeluarkan oleh Lembaga bagi maksud taksiran sama ada dalam salinan bercetak, elektronik atau melalui penghantaran elektronik;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. No. I/2003*];

“fakir” ertinya seseorang beragama Islam—

(a) yang tiada harta atau pendapatan; atau

(b) ada harta atau pendapatan tetapi tidak mencapai lima puluh peratus daripada had kifayah dirinya dan tanggungannya;

“*fisabilillah*” ertinya perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Islam;

“fitrah” ertinya zakat yang diwajibkan ke atas orang Islam dengan mengeluarkan sejumlah beras atau apa-apa yang sama nilai dengannya yang diberikan atau dibayar pada tiap-tiap tahun pada masa yang ditetapkan mengikut Hukum Syarak;

“Geran” ertinya peruntukan yang diberikan oleh Majlis kepada Lembaga bagi maksud perbelanjaan pentadbiran Lembaga;

“gharimin” ertinya mana-mana orang beragama Islam yang berhutang, termasuk penjamin, untuk memenuhi keperluan asas dirinya, keluarganya, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera sebagaimana yang dibenarkan oleh Hukum Syarak;

“haul” ertinya genap tiga ratus lima puluh empat hari atau apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa;

“ibnu sabil” ertinya seseorang musafir beragama Islam yang kehabisan bekalan dalam perjalanan atau semasa memulakan perjalanan dari negaranya yang mendatangkan pulangan yang baik kepada Islam dan umatnya atau seseorang Islam yang tiada perbekalan di perjalanan;

“Ketua Penolong Amil Fitrah” ertinya seseorang yang dilantik oleh Lembaga untuk menjalankan tugas di bawah peraturan 5;

“Ketua Penolong Amil Kariah” ertinya seseorang yang dilantik oleh Lembaga untuk menjalankan tugas di bawah peraturan 7;

“kifayah” ertinya suatu had yang mencukupi atau kadar keperluan asas bagi seseorang individu atau sesebuah keluarga;

“Lembaga” ertinya Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Berdaftar yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258];

“majikan” ertinya seseorang beragama Islam yang dengannya seseorang pekerja Islam membuat kontrak perkhidmatan atau perantisan dan termasuklah—

- (a) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada seseorang pekerja;
- (b) mana-mana kumpulan orang sama ada syarikat, firma, entiti perniagaan atau perbadanan; dan
- (c) mana-mana jabatan kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau badan lain dan, jika seseorang pekerja bekerja dengan mana-mana jabatan kerajaan, pihak berkuasa atau badan itu atau dengan mana-mana pegawai bagi pihak mana-mana jabatan kerajaan, pihak berkuasa atau badan itu, pegawai yang di bawahnya pekerja itu bekerja hendaklah disifatkan sebagai majikan;

“miskin” ertinya seseorang beragama Islam yang mempunyai harta atau pendapatan yang hanya boleh menampung lebih lima puluh peratus keperluan dirinya dan tanggungannya tetapi masih belum mencukupi had kifayah;

“nilai” ertinya suatu jumlah atau kadar harta yang boleh dikenakan zakat mengikut Hukum Syarak;

“nisab” ertinya cukup bilangan atau sukanan apabila menghitung amaan pendapatan atau kuantiti aset yang boleh dikenakan zakat ke atasnya mengikut Hukum Syarak;

“orang” termasuklah orang perseorangan, perbadanan, syarikat, koperasi, perkongsian, persatuan, firma, usaha sama atau pemegang amanah;

“orang tidak berkeupayaan” ertinya seseorang kanak-kanak atau seseorang tidak sempurna akal dan seseorang yang dilarang daripada menguruskan hartanya;

“Pegawai Utama” ertinya seseorang pegawai yang memegang jawatan tertinggi dalam urusan pentadbiran organisasi Lembaga yang dikenali sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atau apa-apa nama lain yang diberikan;

“Penolong Amil” merangkumi Ketua Penolong Amil Fitrah, Penolong Amil Fitrah, Ketua Penolong Amil Kariah, Penolong Amil Kariah, Penolong Amil Padi dan Penolong Amil Institusi;

“Penolong Amil Fitrah” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga untuk menjalankan tugas memungut fitrah;

“Penolong Amil Institusi” ertinya mana-mana institusi yang dilantik oleh Lembaga untuk menjalankan tugas memungut dan/atau mengagihkan zakat;

“Penolong Amil Kariah” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga untuk menjalankan tugas mengadakan benci, semakan dan menjaga kebijakan orang Islam yang berhak menerima zakat dan fitrah yang dikategorikan sebagai asnaf fakir, miskin dan muallaf;

“Penolong Amil Padi” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga untuk menjalankan tugas memungut zakat padi;

“*riqab*” ertinya seseorang hamba beragama Islam atau seseorang yang terbelenggu di bawah suatu kuasa yang menyekat kebebasannya;

“*wali*” ertinya bapa atau datuk sebelah bapa dan ke atas;

“wasi” ertinya seseorang yang kepada dia manahkan pelaksanaan wasiat dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai wasi oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil;

“zakat” ertinya suatu kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf mengikut Hukum Syarak.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta

Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388], hendaklah mempunyai masing-masing erti yang diberikan kepadanya setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan atau ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual Pertama.

## BAHAGIAN II

### KUASA MAJLIS UNTUK MEMUNGUT DAN MENGAGIHKAN

#### **Kuasa Majlis untuk memungut dan mengagihkan zakat dan fitrah**

3. (1) Majlis hendaklah berkuasa untuk memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang beragama Islam yang kena dibayar di Negeri Selangor dan untuk mengagihkannya mengikut Hukum Syarak.

(2) Majlis hendaklah mengagihkan semua pungutan zakat dan fitrah dalam sesuatu tahun kepada *asnaf* mengikut bahagian masing-masing dalam tempoh satu tahun dari tarikh pungutan zakat dan fitrah itu.

(3) Apa-apa baki zakat dan fitrah atau mana-mana bahagian zakat dan fitrah yang diperuntukkan kepada *asnaf* yang tidak diagihkan dalam mana-mana tahun tertentu oleh sebab *asnaf* tersebut tidak wujud lagi atau masih terdapat baki agihan, bahagian *asnaf* atau baki tersebut bolehlah diagihkan mengikut subperaturan 41(2).

## BAHAGIAN III

### PENTADBIRAN ZAKAT DAN FITRAH

#### **Lembaga Zakat Selangor (MAIS)**

4. (1) Pada menjalankan kuasa Majlis di bawah Peraturan-Peraturan ini, Majlis telah melantik Lembaga bagi untuk mentadbir dan menguruskan semua perkara yang berhubungan dengan zakat dan fitrah di Negeri Selangor.

(2) Lembaga boleh melantik atau mengambil kerja apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang perlu untuk membantunya dalam menjalankan fungsi-fungsinya.

(3) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, Lembaga berkuasa untuk melantik Penolong Amil dan ejen zakat bagi membantu Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsinya.

**BAHAGIAN IV**

PELANTIKAN KETUA PENOLONG AMIL FITRAH, PENOLONG AMIL FITRAH, KETUA PENOLONG AMIL KARIAH, PENOLONG AMIL KARIAH, PENOLONG AMIL PADI,  
PENOLONG AMIL INSTITUSI DAN EJEN ZAKAT

**Pelantikan Ketua Penolong Amil Fitrah**

5. (1) Lembaga hendaklah, secara bertulis, melantik Ketua Penolong Amil Fitrah bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Ketua Penolong Amil Fitrah yang dilantik hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

(3) Tugas Ketua Penolong Amil Fitrah adalah untuk mengawal selia setiap Penolong Amil Fitrah dalam suatu kariah masjid tertentu.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), Ketua Penolong Amil Fitrah boleh melaksanakan tugas seorang Penolong Amil Fitrah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 6(4) melainkan jika ditentukan selainnya oleh Lembaga.

**Pelantikan Penolong Amil Fitrah**

6. (1) Lembaga hendaklah, secara bertulis, melantik apa-apa bilangan Penolong Amil Fitrah bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Penolong Amil Fitrah yang dilantik hendaklah memegang jawatannya selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Penolong Amil Fitrah hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

(4) Tugas Penolong Amil Fitrah ialah—

- (a) menjalankan benci ke atas orang beragama Islam dalam suatu kariah masjid tertentu yang wajib membayar fitrah;
- (b) menerima bayaran fitrah dan mengeluarkan resit penerimaannya kepada orang yang membayar fitrah;
- (c) mendepositkan semua bayaran fitrah ke dalam akaun bank yang ditentukan oleh Lembaga pada hari penerimaan bayaran tersebut atau jika bayaran diterima lewat, pada hari bekerja yang berikutnya;
- (d) menyerahkan semua penyata bank dan buku resit bayaran fitrah kepada Lembaga; dan
- (e) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

**Pelantikan Ketua Penolong Amil Kariah**

7. (1) Lembaga hendaklah, secara bertulis, melantik Ketua Penolong Amil Kariah bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Ketua Penolong Amil Kariah yang dilantik hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

(3) Tugas Ketua Penolong Amil Kariah adalah untuk mengawal selia setiap Penolong Amil Kariah dalam suatu kariah masjid tertentu.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), Ketua Penolong Amil Kariah boleh melaksanakan tugas seorang Penolong Amil Kariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 8(4) melainkan jika ditentukan selainnya oleh Lembaga.

**Pelantikan Penolong Amil Kariah**

8. (1) Lembaga hendaklah, secara bertulis, melantik apa-apa bilangan Penolong Amil Kariah bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Penolong Amil Kariah yang dilantik hendaklah memegang jawatannya selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Penolong Amil Kariah yang dilantik hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

(4) Tugas Penolong Amil Kariah ialah—

- (a) menjalankan benci ke atas orang beragama Islam dalam suatu kariah masjid tertentu yang layak menerima zakat dan fitrah;
- (b) memantau kebajikan asnaf fakir, miskin dan muallaf dalam suatu kariah masjid tertentu; dan
- (c) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

**Pelantikan Penolong Amil Padi**

9. (1) Lembaga hendaklah, secara bertulis, melantik apa-apa bilangan Penolong Amil Padi bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Penolong Amil Padi yang dilantik hendaklah memegang jawatannya selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Penolong Amil Padi hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

- (4) Tugas Penolong Amil Padi ialah—
- (a) mengumpul dan memberikan maklumat berkenaan petani beragama Islam yang wajib membayar zakat padi;
  - (b) memungut dan menerima bayaran zakat padi yang telah ditaksirkan;
  - (c) menyediakan suatu sistem rekod pungutan yang sempurna dan mengemukakan laporan pungutan dan semua dokumen yang berkaitan pada tarikh yang ditentukan oleh Lembaga;
  - (d) menyerahkan pungutan zakat padi kepada Lembaga;
  - (e) menjaga keselamatan buku resit zakat padi dan wang pungutan zakat padi; dan
  - (f) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

#### **Pelantikan Penolong Amil Institusi**

10. (1) Lembaga hendaklah, secara bertulis, melantik Penolong Amil Institusi bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Penolong Amil Institusi yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah memegang jawatannya selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Penolong Amil Institusi hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

(4) Tugas Penolong Amil Institusi ialah memungut atau mengagihkan zakat bagi pihak Lembaga.

#### **Pelantikan ejen zakat**

11. Lembaga boleh melantik mana-mana orang atau institusi sebagai wakil atau ejennya untuk membantu dalam pemungutan zakat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

#### **Pengosongan jawatan**

12. Jawatan yang dilantik di bawah subperaturan 5(1), 6(1), 7(1), 8(1), 9(1), 10(1) dan peraturan 11 hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia meninggal dunia;
- (b) jika pelantikannya dibatalkan oleh Lembaga di bawah subperaturan 13(1);
- (c) jika peletakan jawatannya melalui notis secara bertulis yang ditujukan kepada Lembaga di bawah subperaturan 13(2) diterima; atau
- (d) apabila tamat tempoh pelantikannya.

### **Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

13. (1) Lembaga boleh, membatalkan pelantikan mana-mana jawatan yang dibuat di bawah subperaturan 5(1), 6(1), 7(1), 8(1), 9(1), 10(1) dan peraturan 11 jika dia—

- (a) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil;
- (b) bertindak, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya atau selainnya, dengan cara yang merosakkan nama Majlis atau Lembaga;
- (c) telah diisyiharkan bankrap;
- (d) menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya dengan sepatutnya; atau
- (e) atas apa-apa sebab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga sebagai tidak layak atau sesuai.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh, pada bila-bila masa meletak jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang dilantik di bawah subperaturan 5(1), 6(1), 7(1), 8(1), 9(1), 10(1) dan peraturan 11 yang pelantikannya telah dibatalkan di bawah subperaturan (1) atau yang meletak jawatan di bawah subperaturan (2), hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada Lembaga dokumen pelantikannya berserta pungutan zakat atau fitrah dan buku resit yang diterima daripada Lembaga atau mana-mana dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa Majlis untuk mengeluarkan arahan**

14. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam bahagian ini, Majlis boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa arahan bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

## BAHAGIAN V

### ZAKAT

#### **Syarat-syarat orang yang wajib mengeluarkan zakat**

15. (1) Syarat-syarat wajib bagi orang yang mengeluarkan zakat adalah—

- (a) beragama Islam;

- (b) merdeka;
  - (c) baligh dan sempurna akal, dan bagi kanak-kanak atau orang yang tidak sempurna akal kena dibayar oleh wali atau wasinya; dan
  - (d) yang mempunyai harta dan pendapatan yang kena dibayar zakat.
- (2) Kewajipan bagi pihak suatu syarikat atau perkongsian hendaklah terletak ke atas—
- (a) pemegang saham beragama Islam;
  - (b) pengarah beragama Islam;
  - (c) pengurus atau mana-mana ketua pegawai utama beragama Islam lain;
  - (d) setiausaha beragama Islam; atau
  - (e) mana-mana orang beragama Islam lain yang menjalankan mana-mana fungsi orang yang disebut dalam perenggan (2)(a) hingga (c).

### **Pengenaan zakat harta dan pendapatan**

16. Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, zakat hendaklah dikenakan—
- (a) ke atas pendapatan atau harta seseorang beragama Islam bagi satu haul;
  - (b) ke atas tiap-tiap orang beragama Islam yang bermastautin atau bekerja di Negeri Selangor; atau
  - (c) ke atas mana-mana perniagaan yang berdaftar atau beroperasi di Negeri Selangor.

### **Orang tidak berkeupayaan**

17. (1) Tiap-tiap orang beragama Islam yang bertindak sebagai wali atau wasi kepada mana-mana kanak-kanak atau orang tidak sempurna akal atau orang tidak berkeupayaan boleh ditaksirkan dan dikenakan zakat bagi pendapatan atau harta orang tidak berkeupayaan tersebut.

(2) Mana-mana orang yang secara sah mempunyai arahan, kawalan atau menjalankan pengurusan ke atas mana-mana harta orang tidak berkeupayaan, yang menerima pendapatan kasar atau harta orang tidak berkeupayaan itu daripada segala punca bagi tempoh asas yang berkenaan bagi mana-mana tahun taksiran, hendaklah dikenakan zakat berkenaan dengan pendapatan atau harta tersebut bagi pihak orang tidak berkeupayaan itu.

### **Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat**

18. Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual Kedua.

### **Kadar dan nisab zakat**

19. Harta atau pendapatan mana-mana orang yang boleh dikenakan zakat bagi mana-mana haul hendaklah mengikut kadar dan nisab zakat sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa.

### **Kuasa meminda Jadual**

20. Majlis boleh, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan, meminda Jadual melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

## BAHAGIAN VI

### ZAKAT HARTA DAN PENDAPATAN

#### **Pembayaran zakat**

21. (1) Mana-mana orang yang berkewajipan membayar zakat, boleh membuat pembayaran zakat melalui potongan gaji atau mengikut cara, kadar dan tempoh yang ditentukan oleh Lembaga atau membuat pembayaran melebihi amaun zakat yang ditetapkan oleh Lembaga atas kerelaan orang tersebut.

(2) Jika mana-mana orang enggan membuat pembayaran zakat, Lembaga boleh mengarahkan majikan orang itu untuk membuat pembayaran zakat melalui potongan daripada mana-mana pendapatan orang itu bagi mana-mana tahun taksiran.

(3) Bagi maksud peraturan ini, zakat harta dan pendapatan adalah termasuk pencen, anuiti atau apa-apa bayaran yang dikategorikan di bawah perenggan 1(b) hingga 1(n) Jadual Kedua.

#### **Kewajipan majikan**

22. (1) Setiap majikan yang mengambil kerja mana-mana pekerja beragama Islam hendaklah mendaftar dengan Lembaga.

(2) Setiap majikan hendaklah, sebelum hari yang kesepuluh pada setiap bulan yang mana majikan itu membayar upah, membuat pembayaran zakat melalui potongan gaji pekerjanya mengikut cara, kadar dan tempoh yang telah ditentukan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana majikan yang tidak mematuhi subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN VII**

**FITRAH**

**Kewajipan membayar fitrah**

23. Setiap orang Islam berkewajipan membayar fitrah bagi dirinya dan anggota keluarga di bawah tanggungannya jika memenuhi syarat-syarat mengikut Hukum Syarak.

**Pembayaran fitrah kepada Lembaga atau Penolong Amil Fitrah**

24. (1) Fitrah hendaklah dibayar oleh setiap orang beragama Islam kepada Lembaga atau Penolong Amil Fitrah yang dilantik.

(2) Pembayaran fitrah boleh dibuat mulai satu Ramadhan hingga sebelum solat Aidilfitri.

**Kadar fitrah**

25. Setiap orang beragama Islam berkewajipan membayar fitrah mengikut kadar yang ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa.

**BAHAGIAN VIII**

**NOTIS DAN PEMBERITAHUAN ZAKAT**

**Notis zakat**

26. (1) Lembaga boleh, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa maklumat dalam borang taksiran yang ditetapkan, kepada Lembaga dalam tempoh tidak kurang daripada enam puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu, bagi maksud menentukan amaun zakat yang kena dibayar oleh orang itu bagi mana-mana tahun taksiran.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperaturan (1) tanpa memberikan alasan yang munasabah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

**Pemberitahuan mengenai kelayakan membayar zakat**

27. Jika mana-mana orang yang bermastautin atau bekerja di Negeri Selangor dan layak dikenakan zakat bagi mana-mana tahun taksiran—

- (a) tidak menerima notis untuk mengemukakan borang taksiran bagi tahun tersebut; atau
- (b) tidak pernah membayar zakat kepada Lembaga,

orang itu hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat kepada Lembaga dalam borang taksiran bagi tahun taksiran tersebut.

### **Kuasa untuk meminta maklumat tambahan**

28. Bagi maksud mendapatkan apa-apa maklumat tambahan yang dinyatakan dalam peraturan 26, Lembaga boleh, melalui notis bertulis, menghendaki orang itu atau mana-mana orang lain—

- (a) supaya melengkapkan dan memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan dalam notis kepada Lembaga dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu; atau
- (b) supaya hadir sendiri di hadapan Lembaga dan mengemukakan segala buku, akaun, penyata dan dokumen lain yang difikirkan perlu oleh Lembaga untuk pemeriksannya.

### **Kuasa untuk meminta maklumat akaun bank, dll.**

29. (1) Lembaga boleh, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana orang supaya memberi maklumat yang berikut dalam tempoh tidak kurang daripada enam puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu:

- (a) akaun bank—
  - (i) atas namanya sendiri; atau
  - (ii) yang dalamnya dia mempunyai kepentingan atau sebelum ini dia mempunyai kepentingan sama ada bersesama atau berasingan; atau
- (b) aset yang boleh dikenakan zakat yang berada dalam milikannya atau telah berada dalam milikannya sepanjang tahun taksiran yang disebut dalam notis itu.

(2) Lembaga boleh, melalui notis bertulis, menghendaki tiap-tiap majikan supaya menyediakan dan mengemukakan kepada Lembaga, penyata gaji atau apa-apa maklumat dalam borang taksiran yang ditetapkan, bagi mana-mana tahun taksiran dan dalam tempoh yang ditetapkan, yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama dan tempat kediaman pekerja sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu; dan
- (b) amaun sepenuhnya pendapatan kasar yang telah dibayar, kena dibayar atau diperuntukkan oleh majikan kepada pekerja berhubung dengan pekerjaannya.

(3) Tiada apa-apa dalam peraturan ini boleh menghendaki mana-mana orang supaya menzahirkan apa-apa maklumat di bawah Peraturan-Peraturan ini, jika orang itu dilarang di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain daripada menzahirkan apa-apa maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan ini.

**Maklumat dalam borang taksiran hendaklah disifatkan dibuat dengan kuasa yang sewajarnya**

30. Apa-apa maklumat yang diberikan dalam borang taksiran menurut Peraturan-Peraturan ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang hendaklah dianggap telah dibuat oleh atau bagi pihak orang itu menurut kuasanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga dibuktikan sebaliknya dan mana-mana orang yang menandatangani borang taksiran itu hendaklah disifatkan mengetahui tentang kandungannya.

**Kuasa untuk meminta penyata**

31. Lembaga boleh, melalui notis bertulis yang diberikan kepada mana-mana orang yang difikirkannya sesuai, menghendaki orang itu supaya memberi penyata yang lengkap sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini dalam suatu masa yang munasabah yang dinyatakan dalam notis itu.

**Pertukaran alamat**

32. Tiap-tiap orang yang boleh dikenakan zakat yang menukar alamatnya kepada alamat yang lain di Negeri Selangor, hendaklah dalam masa tiga bulan memberitahu Lembaga mengenai pertukaran itu melalui notis bertulis.

**BAHAGIAN IX****TAKSIRAN ZAKAT****Taksiran secara am**

33. Apabila mana-mana orang memberikan apa-apa maklumat dalam borang taksiran di bawah peraturan 28 atau peraturan 29 kepada Lembaga bagi mana-mana tahun taksiran, Lembaga hendaklah—

- (a) jika dia berpuas hati bahawa maklumat dalam penyata itu adalah lengkap, membuat suatu taksiran dengan sewajarnya; atau
- (b) jika dia tidak berpuas hati dengan maklumat dalam penyata tersebut, menghendaki orang itu supaya memberi maklumat tambahan bagi maksud membuat taksiran yang sewajarnya berkenaan dengan zakat yang kena dibayar oleh orang itu.

**Taksiran tambahan dalam hal tertentu**

34. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, jika berhubung dengan mana-mana - tahun taksiran Lembaga mendapati bahawa tiada taksiran atau taksiran yang mencukupi telah dibuat ke atas seseorang yang boleh dikenakan zakat, Lembaga boleh, dalam tahun itu atau tahun-tahun yang berikut membuat suatu taksiran atau taksiran tambahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ke atas orang itu bagi maksud mengenakan zakat bagi tahun yang berkenaan mengikut Hukum Syarak.

- (2) Jika Lembaga mendapati apa-apa bentuk—  
 (a) fraud atau keingkaran sengaja; atau  
 (b) kecuaian,

telah dilakukan oleh mana-mana orang berhubung dengan apa-apa maklumat dalam borang taksiran yang ditetapkan bagi maksud mengelak atau mengurangkan zakat, Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membuat suatu taksiran bagi mana-mana tahun untuk mendapatkan apa-apa zakat yang tidak dibayar itu.

### **Rekod taksiran**

35. Lembaga hendaklah, menyenggarakan atau menyebabkan disenggarakan, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut, suatu rekod mengenai segala taksiran yang dibuat bagi setiap tahun taksiran bagi tiap-tiap pembayaran zakat.

### **Kemuktamadan taksiran**

36. (1) Jika—  
 (a) tiada rayuan dibuat menurut peraturan 37;  
 (b) suatu taksiran telah diputuskan oleh Pegawai Utama di bawah peraturan 39;  
 (c) suatu persetujuan berkenaan dengan taksiran telah dicapai menurut subperaturan 39(2); atau  
 (d) suatu rayuan telah dibuat oleh perayu dan perayu itu mati sebelum pendengaran rayuan itu oleh Lembaga bermula atau tamat, dan tiada pentadbir bagi harta pusaka atau wasi kepada perayu yang memohon kepada Pegawai Utama atau Lembaga dalam masa dua tahun selepas kematian perayu itu untuk meneruskan rayuan,

taksiran yang dibuat, dipersetujui atau diputuskan adalah yang terakhir dan muktamad bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Tiada apa-apa pun dalam subperaturan (1) boleh menjaskan pelaksanaan apa-apa kuasa yang diberikan kepada Lembaga di bawah peraturan 35.

## BAHAGIAN X

### SEMAKAN SEMULA DAN RAYUAN

#### **Rayuan kepada Pegawai Utama**

37. (1) Tertakluk kepada pembayaran yang telah dibuat, mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan amaun zakat yang dikenakan ke atasnya boleh merayu kepada Pegawai Utama supaya taksiran itu disemak semula.

(2) Rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dengan memberikan notis bertulis dalam borang yang ditetapkan kepada Pegawai Utama dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis taksiran, atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan di bawah peraturan 38, dan notis itu hendaklah mengandungi alasan bagi rayuan.

(3) Mana-mana orang yang telah dilantik dengan sah sebagai wakil pembayar zakat, bolehlah bagi maksud peraturan ini mengemukakan rayuan di bawah subperaturan (1) bagi pihak pembayar zakat itu.

### **Pelanjutan masa bagi rayuan**

38. (1) Pegawai Utama boleh, atas permohonan bertulis untuk melanjutkan tempoh bagi rayuan, melanjutkan tempoh rayuan tidak melebihi tiga puluh hari.

(2) Apabila sesuatu permohonan diterima di bawah subperaturan (1), Pegawai Utama hendaklah—

- (a) jika dia berpuas hati dengan alasan bagi pelanjutan tempoh rayuan, membenarkan pelanjutan masa dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut; atau
- (b) jika dia tidak berpuas hati, menolak permohonan itu.

(3) Keputusan Pegawai Utama menurut subperaturan (2), hendaklah diberitahu secara bertulis kepada pemohon dalam tempoh empat belas hari selepas keputusan itu dibuat dan keputusan tersebut adalah muktamad.

### **Semakan semula taksiran oleh Pegawai Utama**

39. (1) Apabila suatu notis rayuan untuk semakan semula taksiran diterima di bawah subperaturan 37(2), Pegawai Utama hendaklah—

- (a) menghendaki perayu supaya memberi apa-apa maklumat berkaitan dengan harta atau pendapatan yang dinyatakan dalam taksiran itu atau apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut; atau
- (b) menghendaki perayu supaya mengemukakan semua buku atau apa-apa dokumen lain yang ada, di bawah kawalan perayu atau apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut.

(2) Jika, selepas menimbangkan rayuan di bawah subperaturan (1), Pegawai Utama memutuskan untuk—

- (a) menerima rayuan itu, suatu taksiran yang sepatutnya hendaklah dibuat dengan sewajarnya; atau
- (b) menolak rayuan itu, dia hendaklah mengarahkan perayu untuk membayar zakat mengikut taksiran asal yang ditentukan.

(3) Keputusan Pegawai Utama hendaklah diberitahu secara bertulis kepada perayu.

(4) Seseorang perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pegawai Utama, boleh merayu kepada Majlis dalam tempoh tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh dia menerima keputusan itu.

(5) Rayuan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis untuk keputusan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 88 Enakmen dan keputusan Majlis adalah muktamad.

#### **Pembayaran balik zakat yang dipungut berlebihan**

40. (1) Apa-apa pembayaran zakat yang melebihi amaun yang sepatutnya dipungut mengikut Hukum Syarak, hendaklah dibayar balik kepada pembayar zakat jika—

- (a) amaun yang berlebihan itu telah diputuskan oleh Pegawai Utama atau Majlis; atau
- (b) Pegawai Utama berpuas hati bahawa terdapat kesilapan dalam taksiran yang menyebabkan amaun yang berlebihan dipungut.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), apa-apa amaun berlebihan yang kena dibayar balik kepada pembayar zakat boleh dibawa ke hadapan sebagai bayaran zakat bagi tahun yang berikut.

### **BAHAGIAN XI**

#### **PENGAGIHAN**

#### **Orang yang berhak menerima zakat dan fitrah**

41. (1) Orang yang berhak menerima zakat dan fitrah mengikut Hukum Syarak adalah—

- (a) fakir;
- (b) miskin;
- (c) amil;
- (d) *muallaf*;
- (e) *riqab*;
- (f) *gharimin*;
- (g) *fisabilillah*; dan
- (h) *ibnu sabil*.

(2) Apa-apa pindaan atau perubahan kepada pengagihan zakat hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa.

**Ketetapan pengagihan**

42. Lembaga hendaklah mengagihkan hasil daripada pungutan zakat kepada orang yang berhak menerima zakat di bawah subperaturan 41(1) mengikut ketetapan Jawatankuasa Fatwa.

**Tatacara pengagihan zakat**

43. Bagi maksud melaksanakan peraturan 41, Lembaga hendaklah mengadakan suatu tatacara bagi pengagihan zakat termasuk perkara yang ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa.

**BAHAGIAN XII****KESALAHAN DAN PENALTI****Maklumat yang salah**

44. Mana-mana orang yang dengan sengaja memberi maklumat yang salah atau palsu berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan harta, pendapatan, buku akaun dan dokumen lain yang berkaitan mengenai zakat yang dikenakan ke atasnya atau mana-mana orang lain, melainkan jika dia membuktikan bahawa maklumat yang salah itu telah dibuat atau diberikan dengan suci hati, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Pengelakan sengaja**

45. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja—

- (a) meninggalkan apa-apa pendapatan atau harta yang patut dimasukkan dalam penyata;
- (b) membuat pernyataan atau catatan palsu dalam penyata;
- (c) memberi jawapan palsu, sama ada secara lisan atau bertulis, kepada soalan yang ditanya atau permintaan maklumat yang dibuat;
- (d) menyediakan atau menyenggarakan atau membenarkan buku akaun atau salinannya atau rekod lain yang palsu;
- (e) memalsukan atau membenarkan pemalsuan buku akaun atau rekod lain atau salinannya; atau
- (f) mempergunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, helah atau perbuatan mereka-reka,

dengan niat untuk mengelak atau membantu mana-mana orang lain untuk mengelak daripada membayar zakat atau fitrah, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika dibuktikan bahawa suatu pernyataan palsu atau catatan palsu, sama ada melalui peninggalan atau selainnya, telah dibuat dalam penyata yang dikemukakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang atau dalam mana-mana buku akaun atau rekod lain, yang disenggarakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang, orang itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu dengan niat untuk mengelak daripada membayar zakat atau fitrah.

### **Menghalang Pegawai Utama atau pegawai Lembaga daripada menjalankan tugas**

46. Mana-mana orang yang—

- (a) menghalang Pegawai Utama atau pegawai Lembaga daripada menjalankan tugasnya;
- (b) enggan mengemukakan apa-apa buku akaun atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila diminta untuk berbuat demikian oleh Pegawai Utama atau pegawai Lembaga; atau
- (c) enggan memberi kerjasama yang sewajarnya kepada Pegawai Utama atau pegawai Lembaga,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Kesalahan oleh pegawai**

47. Jika Lembaga atau mana-mana pegawai Lembaga atau mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga dalam menjalankan fungsi dan tugas rasminya di bawah Peraturan-peraturan ini—

- (a) menuntut daripada mana-mana orang suatu amaun yang melebihi amaun zakat atau fitrah yang kena dibayar oleh orang itu;
- (b) menahan, mengambil dengan salah atau selainnya apa-apa bahagian daripada mana-mana amaun zakat atau fitrah yang dipungut atau diterima olehnya;
- (c) membuat laporan atau penyata palsu sama ada secara lisan atau bertulis tentang apa-apa amaun zakat atau fitrah yang dipungut atau diterima olehnya;
- (d) memraud mana-mana orang, menggelapkan apa-apa wang atau selainnya menggunakan kedudukannya untuk menguruskan dengan salah apa-apa tugas berhubung dengan Lembaga atau mana-mana orang lain; atau

- (e) tidak atau enggan menyerahkan kepada Lembaga mana-mana zakat atau fitrah yang dipungut atau diterima olehnya,

Lembaga atau pegawai atau orang itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kesalahan bersubahat**

48. Seseorang yang membantu, bersubahat dengan atau menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan suatu kesalahan, jika dia—

- (a) menghasut mana-mana orang untuk melakukan kesalahan itu;
- (b) mengambil bahagian bersama satu orang atau lebih daripada satu orang lain dalam apa-apa pakatan jahat untuk melakukan kesalahan itu; jika sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang berlaku akibat daripada pakatan jahat itu, dan dengan tujuan untuk melakukan kesalahan itu; dan
- (c) dengan sengaja membantu, dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang, melakukan kesalahan itu,

mengakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang sama yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

### **Penggunaan nama dan logo Lembaga tanpa kebenaran**

49. Mana-mana orang yang dengan salah menggunakan atau mempamerkan nama dan/atau logo Lembaga tanpa kebenaran Lembaga bagi maksud memungut zakat melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Penguatkuasaan**

50. Tiada tindakan penguatkuasaan bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dimulakan kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Pengerusi Majlis.

### **Pendakwaan**

51. Sesuatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendakwa Syarie.

---

BAHAGIAN XIII

KEWANGAN

**Anggaran pendapatan dan perbelanjaan zakat**

52. (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30 hari bulan September dalam setiap tahun kalendar, mengemukakan suatu anggaran pendapatan dan perbelanjaan zakat bagi tahun yang berikutnya dan menyerahkan suatu salinan anggaran pendapatan dan perbelanjaan zakat itu untuk kelulusan Majlis.

(2) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Majlis suatu anggaran pendapatan dan perbelanjaan zakat tambahan bagi tahun semasa, atau sebelum 31 hari bulan Januari dalam mana-mana tahun, berkenaan dengan tahun sebelumnya, dan anggaran itu boleh diluluskan atau dipinda.

(3) Majlis hendaklah memberikan peruntukan bagi Lembaga untuk melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Bagi maksud peraturan ini, tahun kewangan Lembaga hendaklah bermula pada 1 hari bulan Januari dan berakhir pada 31 hari bulan Disember pada tiap-tiap tahun.

**Perbelanjaan pentadbiran Lembaga**

53. Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Lembaga, termasuk kos penyenggaraan dan pemberian mana-mana harta tak alih, gaji dan elaun semua pekhidmat Lembaga, dan fi dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau anggota Lembaga berkenaan dengan perkhidmatan sebagai pekhidmat, pegawai atau anggota Lembaga boleh dibayar daripada Geran.

**Akaun dan laporan tahunan**

54. (1) Lembaga hendaklah membuka dan menguruskan akaun atau akaun-akaun mengikut perbankan Islam di mana-mana bank.

(2) Semua wang yang diterima oleh atau bagi Lembaga hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun bank Lembaga mengikut cara yang diperuntukkan dalam tatacara kewangan Lembaga.

(3) Cek yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun bank Lembaga hendaklah dikeluarkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam tatacara kewangan Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30 hari bulan Jun pada setiap tahun berikutnya menurut seksyen 15 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258], mengemukakan penyata tahunan teraudit berserta penyata aset dan liabiliti sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta tersebut.

**Audit dan pemeriksaan**

55. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan penyata akaunnya diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyebabkan penyata akaun itu dikemukakan kepada Majlis tidak lewat daripada 31 hari bulan Mac pada setiap tahun.

(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan yang terkandung dalam bahagian ini, Majlis boleh, dari semasa ke semasa, menjalankan audit dan pemeriksaan ke atas Lembaga melalui mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa.

**BAHAGIAN XIV****AM****Pemungutan zakat yang tidak berbayar dan tertunggak**

56. Mana-mana amaun zakat yang ditaksir tetapi tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam notis taksiran atau mana-mana amaun zakat yang tertunggak bagi tahun taksiran sebelum tahun taksiran semasa boleh dituntut melalui prosiding mal di Mahkamah Syariah sebagai hutang kepada Majlis.

**Penyampaian notis**

57. (1) Apa-apa notis yang hendak disampaikan boleh disampaikan secara kendiri, melalui pos berdaftar, penghantaran secara elektronik atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), apa-apa notis yang dikeluarkan, disampaikan atau diberikan oleh Lembaga melalui penghantaran secara elektronik yang tidak memerlukan tandatangan hendaklah dianggap sah dan telah disampaikan sehingga dibuktikan sebaliknya.

(3) Suatu notis yang dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang yang kepadanya notis itu ditujukan jika notis itu dialamatkan—

- (a) dalam hal suatu syarikat, perkongsian atau kumpulan orang yang mempunyai pejabat berdaftar di Negeri Selangor—
  - (i) ke alamat pejabat berdaftar itu;
  - (ii) ke alamat terakhirnya yang diketahui; atau
  - (iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh syarikat, perkongsian atau kumpulan orang untuk menerima penyampaian notis;

- (b) dalam hal suatu syarikat, perkongsian atau kumpulan orang yang beroperasi di Negeri Selangor tetapi tidak mempunyai pejabat berdaftar di Negeri Selangor—
- ke pejabat berdaftar syarikat, perkongsian atau kumpulan orang itu;
  - ke alamat terakhir tempat perniagaan atau tempat di mana syarikat, perkongsian atau kumpulan orang itu beroperasi; atau
  - kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh syarikat, perkongsian atau kumpulan orang itu untuk menerima apa-apa penyampaian notis; dan
- (c) dalam hal seseorang individu, ke alamat terakhirnya yang diketahui.

(4) Sekiranya penyerahan di bawah perenggan 3(a), (b) dan (c) tidak dapat dilaksanakan, suatu notis boleh ditampalkan di bahagian yang boleh dilihat di mana-mana premis, pejabat berdaftar syarikat, perkongsian atau kumpulan orang itu, dan hendaklah disifatkan disampaikan dengan sempurna kepada orang itu.

#### **Maklumat daripada pihak berkuasa awam, badan berkanun atau syarikat**

58. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, Lembaga boleh meminta maklumat daripada mana-mana pihak berkuasa awam, badan berkanun, perbadanan atau syarikat berhubung dengan mana-mana majikan, pekerja dan maklumat lain yang berkaitan bagi maksud pelaksanaan Peraturan-Peraturan ini.

#### **Kerahsiaan**

59. (1) Kecuali bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, atau bagi maksud apa-apa tatacara sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika dibenarkan oleh Lembaga, tiada seorang pun pegawai Lembaga, Penolong Amil atau ejen zakat boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehnya semasa menjalankan kewajipannya dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

#### **Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang**

60. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa guaman, tindakan, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis, Lembaga atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang dilakukan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

### **Pekhidmat awam**

61. Tiap-tiap orang yang dilantik atau yang secara sah menjalankan kuasa seseorang di bawah Peraturan-Peraturan ini, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

### **Peralihan**

62. Semua kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan menurut kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### **Pembatalan**

63. Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (“Fitrah” dan “Zakat”) 1953 [Sel. G.N. No. 1033/1953] dibatalkan.

**JADUAL PERTAMA**  
(Subperaturan 2(3))

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN  
DAN UNGKAPAN TERTENTU

<i>Amil</i>	عامل
<i>Asnaf</i>	اصناف
<i>Baligh</i>	بالغ
<i>Fakir</i>	فقير
<i>Fisabilillah</i>	في سبيل الله
<i>Gharimin</i>	غارمين
<i>Haul</i>	حول
<i>Hukum Syarak</i>	حكم شرع

<i>Ibnu sabil</i>	ابن السبيل
<i>Kunuz</i>	كنوز
<i>Ma'adin</i>	معادن
<i>Miskin</i>	مسكين
<i>Muallaf</i>	مؤلف
<i>Nisab</i>	نصاب
<i>Rikaz</i>	ركاز
<i>Riqab</i>	رقاب

JADUAL KEDUA  
(Peraturan 18)

HARTA DAN PENDAPATAN YANG BOLEH DIKENAKAN ZAKAT

**Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat**

1. Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat adalah seperti yang berikut:

- (a) emas dan perak;
- (b) pendapatan;
- (c) wang tunai atau wang simpanan;
- (d) perniagaan;
- (e) saham;
- (f) wang simpanan di KWSP;
- (g) hasil pertanian;
- (h) binatang ternakan;
- (i) *ma'adin*;
- (j) *kunuz*;
- (k) *rikaz*;
- (l) hasil *mal mustafad*;
- (m) hasil *mal mustaghallat*; dan
- (n) apa-apa harta atau pendapatan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa dari semasa ke semasa.

**Tafsiran**

2. (1) Bagi maksud Jadual ini—

“aset perniagaan” termasuklah stok niaga, wang tunai di tangan dan di bank, penghutang dagangan, saham dan syer dan aset lain yang seumpamanya tetapi tidak termasuk aset tetap sesuatu perniagaan;

“binatang ternakan” termasuklah lembu, kerbau, biri-biri, kambing, unta dan binatang ternakan lain yang seumpamanya yang memakan rumput di tanah lapang ternakan atau yang tidak digunakan untuk kegunaan sendiri dan tidak termasuk yang dipelihara bagi maksud perniagaan;

“emas” termasuklah—

- (i) emas yang merujuk kepada emas jongkong, matawang emas;
- (ii) emas perhiasan yang merujuk kepada barang rumahtangga yang dibuat daripada emas, dan barang perhiasan diri yang dibuat daripada emas yang melebihi penggunaan mengikut adat;

“hasil pertanian” ertinya padi, jagung, gandum dan tanaman bijiran lain seumpamanya yang mengenyangkan dan memberikan tenaga;

“*kunuz*” merujuk kepada harta karun selain dalam bentuk galian yang tersimpan di bawah bumi;

“*ma’adin*” ertinya segala galian yang diperoleh dari perut bumi sama ada pepejal atau cecair di darat atau di laut;

“hasil *mal mustafad*” termasuklah—

- (a) wang pampasan am bagi pemberhentian kerja secara sukarela untuk pekerja swasta;
- (b) bayaran gratuiti persaraan bagi pekerja kerajaan dan swasta;
- (c) wang takaful apabila tamat tempoh matang; dan
- (d) wang takaful bagi kemalangan;

“hasil *mal mustaghallat*” ertinya termasuk—

- (a) semua perusahaan pengangkutan yang digunakan untuk mendapatkan keuntungan;
- (b) bangunan, rumah, bilik penginapan atau tanah yang disewakan;
- (c) ciptaan intelek yang disewakan seperti hak cipta, paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan lain-lain;
- (d) perusahaan ternakan yang induk betina tidak dijual;

(e) perusahaan pertanian kekal seperti getah, kelapa sawit, durian dan sebagainya yang pokok dan tapaknya tidak dijual; dan

(f) perusahaan lain yang aset tetapnya tidak dijual;

“nilai pasaran” ertinya suatu harga yang dianggarkan bagi sesuatu benda jika dijual dalam sesuatu urus niaga;

“pendapatan” termasuklah—

(a) gaji, perolehan atau keuntungan daripada sesuatu perniagaan bagi apa-apa tempoh;

(b) gaji, perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan;

(c) dividen, komisen atau bonus;

(d) sewaan, royalti atau premium; dan

(e) pencen, anuiti, keuntungan atau bayaran berkala lain yang tidak termasuk di bawah mana-mana perenggan terdahulu;

“perak” termasuklah perak jongkong, mata wang perak, barang rumah tangga yang dibuat daripada perak atau barang perhiasan diri yang dibuat daripada perak yang telah melebihi kadar nisab;

“perniagaan” termasuklah apa-apa bentuk perniagaan termasuk profesion, vokasional, perkhidmatan dan tiap-tiap pengilangan, usaha niaga atau pengusahaan bercorak perniagaan yang diuruskan oleh individu atau melalui usaha sama atau syarikat;

“*riказ*” ertinya harta benda yang tertanam di dalam bumi dan terdapat tanda yang menunjukkan harta itu tertanam sebelum kedatangan Islam;

“saham dan syer” termasuklah stok, debentur, pelaburan, sekuriti, bon dan syer dalam syarikat yang dimiliki secara langsung atau melalui penama;

“wang simpanan” termasuklah wang tunai di tangan dan di bank.

Dibuat 19 April 2012

[LZS-PPB/UU/100-16; P.U. Sel. Am 206/08/TS]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA  
*Pengerusi*  
*Majlis Agama Islam Selangor*

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003**

**ZAKAT AND *FITRAH* (STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2012**

---

**ARRANGEMENT OF REGULATIONS**

---

**PART I**

**PRELIMINARY**

**Regulation**

1. Citation and commencement
2. Interpretation

**PART II**

**POWER OF THE MAJLIS TO COLLECT AND DISTRIBUTE**

3. Power of the Majlis to collect and distribute *zakat* and *fitrah*

**PART III**

**ADMINISTRATION OF ZAKAT AND *FITRAH***

4. Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**PART IV**

**APPOINTMENT OF HEAD OF *FITRAH AMIL ASSISTANT*, *FITRAH AMIL ASSISTANT*,  
HEAD OF *KARIAH AMIL ASSISTANT*, *KARIAH AMIL ASSISTANT*, *PADDY AMIL*  
ASSISTANT, INSTITUTION *AMIL ASSISTANT* AND *ZAKAT AGENT***

5. Appointment of Head of *Fitrah Amil Assistant*
6. Appointment of *Fitrah Amil Assistant*
7. Appointment of Head of *Kariah Amil Assistant*
8. Appointment of *Kariah Amil Assistant*
9. Appointment of *Paddy Amil Assistant*
10. Appointment of *Institution Amil Assistant*
11. Appointment of *zakat agent*

## Regulation

12. Vacation of office
13. Revocation of appointment and resignation of office
14. Power of the Majlis to issue direction

## PART V

## ZAKAT

15. Conditions of person obligated to pay *zakat*
16. Imposition of *zakat* on property and income
17. Incapacitated persons
18. Property and income that may be chargeable to *zakat*
19. Rate and *nisab* of *zakat*
20. Power to amend Schedule

## PART VI

## ZAKAT ON PROPERTY AND INCOME

21. Payment of *zakat*
22. Obligation of employer

## PART VII

*FITRAH*

23. Obligation to pay *fitrah*
24. Payment of *fitrah* to the Lembaga or *Fitrah Amil* Assistant
25. Rate of *fitrah*

## PART VIII

## NOTICE AND NOTIFICATION OF ZAKAT

26. Notice of *Zakat*
27. Notification of eligibility to pay *zakat*
28. Power to request for additional information
29. Power to request for information of bank account, *etc.*

Regulation

30. Information in assessment form shall be deemed to be made with due authority
31. Power to request for return
32. Change of address

**PART IX**

**ASSESSMENT OF ZAKAT**

33. General assessment
34. Additional assessments in certain cases
35. Record of assessments
36. Finality of assessment

**PART X**

**REVIEWS AND APPEALS**

37. Appeal to Principal Officer
38. Extension of time for appeal
39. Review of assessment by Principal Officer
40. Refund of *zakat* excessively collected

**PART XI**

**DISTRIBUTION**

41. Persons entitled to receive *zakat* and *fitrah*
42. Ruling on distribution
43. Procedure of *zakat* distribution

**PART XII**

**OFFENCES AND PENALTIES**

44. Incorrect information
45. Wilful evasion

## Regulation

46. Obstructing the Principal Officer or officer of the Lembaga from exercising duties
47. Offences by officers
48. Offences of abetment
49. Use of the name and logo of Lembaga without permission
50. Enforcement
51. Prosecution

**PART XIII**

## FINANCE

52. Estimates of *zakat* income and expenses
53. Administrative expenditure of the Lembaga
54. Accounts and annual reports
55. Audit and inspection

**PART XIV**

## GENERAL

56. Collection of unpaid and outstanding *zakat*
57. Service of notice
58. Information from public authority, statutory body or company
59. Secrecy
60. Protection against suit and legal proceedings
61. Public servant
62. Transitional
63. Revocation

## FIRST SCHEDULE

## SECOND SCHEDULE

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

ZAKAT AND FITRAH (STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 87 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [En. No. 1/2003], Majlis Agama Islam Selangor with the consent of His Royal Highness the Sultan, makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Zakat and Fitrah (State of Selangor) Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 10 May 2012.

**Interpretation**

2. (1) In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“*amil*” means a Muslim person or institution appointed by the Majlis to carry out the obligations of collection and distribution of *zakat*;

“*asnaf*” means a Muslim person who is entitled to receive *zakat* and *fitrah* as mentioned under regulation 41;

“*baligh*” means having attained the age of puberty in accordance with *Hukum Syarak*;

“assessment form” means a form issued for the purpose of assessment whether in the form of printed copy, electronic or by way of an electronic transmission;

“Enactment” means the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [En. No. 1/2003];

“*fakir*” means a Muslim person who—

- (a) has no property or income; or
- (b) has property or income but does not reach fifty per cent of the *kifayah* limit of himself and his dependants;

“*fitabilillah*” means the struggle, efforts and activities for the purpose of upholding and propagating the religion of Islam;

“*fitrah*” means the *zakat* obligatory upon Muslims by producing an amount of paddy or anything of the same value given or payable every year during a period determined in accordance with *Hukum Syarak*;

“Grant” means the allocation provided by the Majlis to the Lembaga for the purpose of the administrative expenditure of the Lembaga;

“*gharimin*” means any Muslim who is in debt, including the guarantor, to fulfil his own fundamental needs, his family, his dependants or society and requires immediate settlement as approved by *Hukum Syarak*;

“*haul*” means the completion of three hundred and fifty four days or any period determined by the *Fatwa* Committee;

“*ibnu sabil*” means a Muslim traveller who has exhausted his food supply during a journey or during the commencement of his journey from his country which brings a good return to Islam and mankind or a Muslim person who has no supply during a journey;

“Head of *Fitrah Amil Assistant*” means a person appointed by the Lembaga to perform the duties under regulation 5;

“Head of *Kariah Amil Assistant*” means a person appointed by the Lembaga to perform the duties under regulation 7;

“*kifayah*” means a sufficient limit or fundamental needs rate of an individual or a family;

“Lembaga” means The Trustees of Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Registered which is incorporated under the Trustees (Incorporation) Act 1952 [Act 258];

“employer” means a Muslim with whom a Muslim employee has entered into a contract of service or apprenticeship and includes—

- (a) a manager, agent or person responsible for the payment of salary or wages to an employee;
- (b) any body of persons whether a company, firm, business entity or corporation; and
- (c) any government department, statutory bodies, local authorities or other bodies and, where an employee is employed with any such government department, authority or body or with any officer on behalf of any such government department, authority or body, the officer in charge of the employee shall be deemed to be an employer;

“*miskin*” means a Muslim who has property or income which can only sustain more than fifty per cent of his needs and his dependants needs but does not reach the *kifayah* limit;

“value” means an amount or rate of property that is chargeable to *zakat* in accordance with *Hukum Syarak*;

“*nisab*” means sufficient in number or measurement when calculating the amount of income or the quantity of asset chargeable to *zakat* in accordance with *Hukum Syarak*;

“person” includes individual, corporation, company, cooperation, partnership, association, firm, joint-venture or trustee;

“incapacitated person” means a child or a person who is of unsound mind and a person who is prohibited from managing his property;

“Principal Officer” means an officer holding the highest position in the administration affairs of the Lembaga known as the Chiel Executive Officer or by any other names given;

“*Amil Assistant*” includes Head of *Fitrah Amil Assistant*, *Fitrah Amil Assistant*, Head of *Kariah Amil Assistant*, *Kariah Amil Assistant*, *Paddy Amil Assistant* and *Institution Amil Assistant*;

“*Fitrah Amil Assistant*” means any person appointed by the Lembaga to perform the duty of collecting *fitrah*;

“*Institution Amil Assistant*” means any institution appointed by the Lembaga to perform the duty of collecting and/or distributing *zakat*;

“*Kariah Amil Assistant*” means any person appointed by the Lembaga to perform the duty of conducting census, review and attending to the welfare of Muslims entitled to receive *zakat* and *fitrah categorized as asnaf fakir, miskin and muallaf*;

“*Paddy Amil Assistant*” means any person appointed by the Lembaga to perform the duty of collecting *zakat* on paddy;

“*riqab*” means a Muslim slave or a person who is restrained by a force which restricts his freedom;

“*wali*” means the father or paternal grandfather and above;

“*wasi*” means a person to whom the execution of a will is entrusted and includes a person appointed as a *wasi* by the Syariah Court or Civil Court;

“*zakat*” means a rate determined from several types of property which are obligatory to be given to the *asnaf* in accordance with *Hukum Syarak*.

(2) All words and expressions in these Regulations which are not herein defined but are defined in the Interpretation Acts 1948 and 1967 [Act 388] shall have the meanings assigned thereto to the extent that such meanings do not conflict with *Hukum Syarak*.

(3) For the avoidance of doubt as to the identity or interpretation of the words and expression used in these Regulations that are listed in the First Schedule, reference may be made to the Arabic script for the words and expressions shown against them in the First Schedule.

## PART II

### POWER OF THE MAJLIS TO COLLECT AND DISTRIBUTE

#### **Power of the Majlis to collect and distribute *zakat* and *fitrah***

3. (1) The Majlis is empowered to collect *zakat* and *fitrah* from each Muslim mandatory upon it in the State of Selangor and to distribute it in accordance with *Hukum Syarak*.

(2) The Majlis shall distribute all collection of *zakat* and *fitrah* in a year to the *asnaf* according to its proportion within one year from the date of collection of the *zakat* and *fitrah*.

(3) Any remainder of *zakat* and *fitrah* or any portion of *zakat* and *fitrah* allocated to the *asnaf* which has not been distributed in any given year by reason of the *asnaf* no longer exist or there are still remainders of the distribution, the said *asnaf* portion or the remainder may be distributed in accordance with subregulation 41(2).

## PART III

### ADMINISTRATION OF ZAKAT AND FITRAH

#### **Lembaga Zakat Selangor (MAIS)**

4. (1) In exercising the power of the Majlis under these Regulations, the Majlis has appointed the Lembaga to administer and manage all matters relating to *zakat* and *fitrah* in the State of Selangor.

(2) The Lembaga may appoint or employ any number of officers and servants as may be necessary to assist it in carrying out its functions.

(3) For the purpose of these Regulations, the Lembaga has the power to appoint *Amil* Assistant and *zakat* agent to assist the Lembaga in carrying out its functions.

## PART IV

### APPOINTMENT OF HEAD OF FITRAH AMIL ASSISTANT, FITRAH AMIL ASSISTANT, HEAD OF KARIAH AMIL ASSISTANT, KARIAH AMIL ASSISTANT, PADDY AMIL ASSISTANT, INSTITUTION AMIL ASSISTANT AND ZAKAT AGENT

#### **Appointment of Head of *Fitrah Amil* Assistant**

5. (1) The Lembaga shall, in writing, appoint the Head of *Fitrah Amil* Assistant for the purpose of these Regulations.

(2) The appointed Head of *Fitrah Amil* Assistant shall be subject to the direction and control of the Lembaga.

(3) The duty of the Head of *Fitrah Amil* Assistant is to regulate each *Fitrah Amil* Assistant in a certain *kariah masjid*.

(4) Notwithstanding subregulation (3), the Head of *Fitrah Amil* Assistant may perform the duties of a *Fitrah Amil* Assistant as provided under subregulation 6(4) unless otherwise determined by the Lembaga.

#### **Appointment of *Fitrah Amil* Assistant**

6. (1) The Lembaga shall, in writing, appoint any number of *Fitrah Amil* Assistant for the purpose of these Regulations.

(2) The appointed *Fitrah Amil* Assistant shall hold his office for a term stated in his letter of appointment and is entitled to be re-appointed.

(3) The *Fitrah Amil* Assistant shall be subject to the direction and control of the Lembaga.

(4) The duties of a *Fitrah Amil* Assistant are—

- (a) to conduct census on Muslims in a certain *kariah masjid* who are obligated to pay *fitrah*;
- (b) to receive payment of *fitrah* and to issue its receipt of acceptance to person who pays *fitrah*;
- (c) to deposit all payment of *fitrah* in a bank account determined by the Lembaga on the day of receipt of such payment or if late payment is received, on the next working day;
- (d) to submit all bank statements and receipt book of payment of *fitrah* to the Lembaga; and
- (e) to conduct any other duties as directed by the Lembaga.

#### **Appointment of Head of *Kariah Amil* Assistant**

7. (1) The Lembaga shall, in writing, appoint the Head of *Kariah Amil* Assistant for the purpose of these Regulations.

(2) The appointed Head of *Kariah Amil* Assistant shall be subject to the direction and control of the Lembaga.

(3) The duty of the Head of *Kariah Amil* Assistant is to regulate each *Kariah Amil* Assistant in a certain *kariah masjid*.

(4) Notwithstanding subregulation (3), the Head of *Kariah Amil* Assistant may perform the duties of a *Kariah Amil* Assistant as provided under subregulation 8(4) unless otherwise determined by the Lembaga.

**Appointment of *Kariah Amil* Assistant**

8. (1) The Lembaga shall, in writing, appoint any number of *Kariah Amil* Assistant for the purpose of these Regulations.
- (2) The appointed *Kariah Amil* Assistant shall hold his office for a term stated in his letter of appointment and is entitled to be re-appointed.
- (3) The appointed *Kariah Amil* Assistant shall be subject to the direction and control of the Lembaga.
- (4) The duties of a *Kariah Amil* Assistant are—
- (a) to conduct census on Muslims in a certain *kariah masjid* who are entitled to receive *zakat* and *fitrah*;
  - (b) to observe the welfare of *asnaf fakir*, *miskin* and *muallaf* in a certain *kariah masjid*; and
  - (c) to conduct any other duties as directed by the Lembaga.

**Appointment of *Paddy Amil* Assistant**

9. (1) The Lembaga shall, in writing, appoint any number of *Paddy Amil* Assistant for the purpose of these Regulations.
- (2) The appointed *Paddy Amil* Assistant shall hold his office for a term stated in his letter of appointment and is entitled to be re-appointed.
- (3) The *Paddy Amil* Assistant shall be subject to the direction and control of the Lembaga.
- (4) The duties of the *Paddy Amil* Assistant are—
- (a) to collect and provide information in respect of Muslim farmers who are obligated to pay *zakat* on paddy;
  - (b) to collect and receive payment of *zakat* on paddy which has been assessed;
  - (c) to prepare a complete collection record system and to submit a collection report and all related documents on a date determined by the Lembaga;
  - (d) to submit the collection of *zakat* on paddy to the Lembaga;
  - (e) to secure the safety of the receipt book of *zakat* on paddy and the collection money of *zakat* on paddy; and
  - (f) to conduct any other duties as directed by the Lembaga.

**Appointment of Institution *Amil* Assistant**

10. (1) The Lembaga shall, in writing, appoint the Institution *Amil* Assistant for the purpose of these Regulations.

(2) The appointed Institution *Amil* Assistant appointed under subregulation (1) shall hold its office for a term stated in its letter of appointment and is entitled to be re-appointed.

(3) The Institution *Amil* Assistant shall be subject to the direction and control of the Lembaga.

(4) The duty of the Institution *Amil* Assistant is to collect or distribute *zakat* on behalf of the Lembaga.

**Appointment of *Zakat* Agent**

11. The Lembaga may appoint any person or institution as its representative or agent to assist in the collection of *zakat* as determined by the Lembaga.

**Vacation of office**

12. The appointed positions under subregulations 5(1), 6(1), 7(1), 8(1), 9(1), 10(1) and regulation 11 shall be vacant—

- (a) if he dies;
- (b) if his appointment is revoked by the Lembaga under subregulation 13(1);
- (c) if his resignation by notice in writing forwarded to the Lembaga under subregulation 13(2) is accepted; or
- (d) upon expiry of his term of appointment.

**Revocation of appointment and resignation of office**

13. (1) The Lembaga may, revoke the appointment of any office made under subregulations 5(1), 6(1), 7(1), 8(1), 9(1), 10(1) and regulation 11 if he—

- (a) has been convicted of any criminal offence in the Syariah Court or the Civil Court;
- (b) has acted, whether in relation to his duties or otherwise, in a manner which has damaged the name of the Majlis or the Lembaga;
- (c) has been declared a bankrupt;
- (d) has become incapable of properly carrying out his duties; or
- (e) for any other reasons, as determined by the Lembaga as not fit or proper.

(2) A person appointed under these Regulations may, at any time, resign by giving written notice to the Lembaga.

(3) Any person appointed under subregulations 5(1), 6(1), 7(1), 8(1), 9(1), 10(1) and regulation 11, whose appointment has been revoked under subregulation (1) or who resigns under subregulation (2), shall immediately submit to the Lembaga his document of appointment together with the collection of *zakat* or *fitrah* and the receipt book received from the Lembaga or any other related documents as directed by the Lembaga.

(4) Any person who fails to observe subregulation (3) commits an offence and shall, upon conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

#### **Power of the Majlis to issue direction**

14. Notwithstanding any provision in this part, the Majlis may, from time to time, issue any direction for the purpose of these Regulations.

### PART V

#### ZAKAT

#### **Conditions of person obligated to pay *zakat***

15. (1) The mandatory conditions for persons who pay *zakat* are—

- (a) Muslim;
- (b) freeman;
- (c) *baligh* and of sound mind, and for a child or a person who is of unsound mind chargeable to his *wali* or *wasi*; and
- (d) owns property and income which are chargeable to *zakat*.

